

Saya begitu terasa sangat dengan kecaman mereka — Mahathir

SYARAT PM JUMPA PEMIMPIN₂ PAS

UM 29 MAR 1991

Oleh
Wan Ahmad Hassan

KOTA BAHARU 28 Mac — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau sanggup menemui para pemimpin Pas di negeri ini dengan syarat mereka menunjukkan sikap ingin berbaik-baik.

"Manusia mana yang sanggup berjumpa dengan Pas sedangkan saya dituduh dengan bermacam-macam perkara, baik dalam ucapan mahupun dalam akhbar mereka," ujar beliau.

Katanya, beliau menyambut baik keinginan Pas menemuinya, tetapi mereka mestilah berhenti daripada membuat kecaman

"Saya tidak dapat hendak berjumpa mereka kerana begitu terasa sangat dengan kecaman Pas itu dan mereka mestilah menunjukkan sikap ingin berbaik-baik terlebih dahulu," katanya

Berucap di majlis perjumpaan dengan bekas-bekas guru Al-Quran, mubaligh dan fardhu ain selepas sembahyang hajat di Bangunan UMNO Negeri Kelantan di sini petang ini, beliau juga kesal dengan sikap Kerajaan Pas Kelantan yang menyatakan baha-

LIHAT MUKA 2

SYARAT JUMPA PEMIMPIN PAS

wa kemiskinan yang dialami oleh rakyat negeri ini bukan tanggungjawab kerajaan.

Beliau mempersoalkan, bagaimana Pas yang mempunyai orang-orang yang arif dalam agama masih tidak tahu cara menolong golongan yang miskin.

"Dahulu mereka kata kita tidak menolong orang-orang miskin sedangkan kita telah mencurahkan wang yang begitu banyak kepada negeri ini dan nikmatnya telahpun dirasakan oleh semua golongan terutama yang miskin," tegas Dato' Sri Dr. Mahathir.

Katanya, oleh kerana kerajaan negeri mengutip zakat, adalah wajar sebahagian daripada wang itu digunakan untuk membantu golongan miskin.

Bagaimanapun, katanya, yang menghairankan, Pas secara terbuka menyatakan bahawa menolong rakyat miskin bukan tanggungjawab kerajaan.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga hairan kerana beliau mendengar Pas melarang penjualan arak di negeri ini tetapi tidak lama kemudian larangan itu ditarik balik

"Apa yang jelas Pas tidak menjalankan hukum Islam tetapi mereka menggunakannya untuk kepentingan sendiri dengan membuat berbagai-bagai janji

supaya mereka dapat memerintah," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa beliau sudah mengingatkan rakyat Kelantan dari dahulu lagi tentang segala masalah yang akan dihadapi.

"Sekarang kita dengar rakan dalam Kerajaan Pas iaitu Parti Semangat 46 hendak keluar dan macam-macam perkara lagi berlaku di mana rakyat negeri ini telah memilih mereka dan kita mestilah sabar menghadapinya," jelas beliau.

Katanya, Kelantan kini diperintah oleh Pas dan bukan oleh Semangat 46 yang hanya sebagai 'pengikut' sahaja tanpa mendapat tempat.

Perdana Menteri memberitahu, hari ini rakyat dapat melihat bahawa segala yang dijanjikan oleh Pas ternyata tidak dapat ditunaikan.

Katanya, Pas, awal-awal lagi melarang wanita bekerja malam tetapi kalau wanita tidak boleh bekerja malam tentulah menyukarkan isteri yang hendak bersalin sedangkan bidan tidak dibenarkan bekerja malam.

"Inilah akibatnya, bila membuat sesuatu keputusan yang membuta-tuli tanpa memikirkan baik dan buruknya," ujarnya.